



# HOC dijangka raih jualan RM24 bilion

**Kempen** Pemilikan Rumah (HOC) dijangka mampu mencapai jualan hartanah keseluruhan sebanyak RM24 bilion sehingga akhir tahun ini.

Kempen berkenaan yang dilancarkan sejak Januari lalu berjaya membantu meningkatkan jualan hartanah meskipun berdepan pasaran agak perlahan.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Ir Soam Heng Choon, berkata sepanjang tempoh Januari sehingga November lalu, HOC merekodkan jualan hartanah

berjumlah RM21 bilion.

“Ta membabitkan penjualan lebih 28,000 unit hartanah pelbagai kategori. Kebanyakan kediaman bertanah menjadi pilihan di kawasan bandar kecil, manakala kediaman bertingkat menjadi pilihan penduduk di Lembah Klang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di forum media Allianz Malaysia-SPEEDHOME, platform penyewaan hartanah perumahan, di Kuala Lumpur, semalam.

HOC yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

sepatutnya berakhir pada Jun lalu, namun dilanjutkan sehingga Disember bagi membuka lebih ruang agar ramai pembeli memiliki kediaman sendiri.

Ia sekali gus membantu industri perumahan negara kembali berada dalam landasan sebenar.

Sementara itu, mengulas mengenai Akta Sewa Rumah Kediaman (RTA), Heng Choon berkata REHDA sudah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan kumpulan fokus bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pelaksanaan akta itu.